



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MAJLIS PELANCARAN  
MOFE LEADERSHIP EXECUTIVE PROGRAM (MOFE-LEP) DAN  
EXECUTIVE SYMPOSIUM ON LEADERSHIP AND PUBLIC SERVICE TRANSFORMATION  
DENGAN KERJASAMA  
TEMASEK FOUNDATION (TF) DAN CIVIL SERVICE COLLEGE (CSC), SINGAPORE**

**Khamis, 13 Muharram 1444 bersamaan 11 Ogos 2022**

---

1. Majlis Pelancaran Ministry of Finance and Economy (MOFE) *Leadership Executive Program* (MOFE-LEP) dengan kerjasama Temasek Foundation (TF) dan Civil Service College (CSC), Singapore telah diadakan pada hari Khamis, 13 Muharram 1444 bersamaan 11 Ogos 2022 bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi pelancaran program berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat dan disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Mr Roger Tan, Penolong Ketua Eksekutif (Antarabangsa), Civil Service College (CSC), Singapore dan diikuti dengan ucapnama daripada Tetamu Kehormat majlis Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan seterusnya, sesi soal jawab.
4. Program MOFE-LEP ini merupakan kerjasama diantara Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam dengan Temasek Foundation (TF) dan Civil Service College (CSC), Singapura.
5. Objektif utama program MOFE-LEP adalah sebagai platform untuk pembangunan keupayaan dan strategi kepimpinan secara menyeluruh (*holistic leadership competencies*) bagi pegawai-pegawai kanan di MOFE, kementerian-kementerian serta *key stakeholders* dengan mengadaptasi *action learning* khususnya bagi *Strategic Planning and Implementation*.

6. MOFE-LEP akan dikendalikan dalam tempoh beberapa bulan, mengandungi beberapa sesi bengkel (*workshop*) mengenai dengan perancangan strategik yang berkaitan dengan Sektor Awam serta lawatan sambil belajar ke Singapura. Tenaga penceramah dan fasilitator adalah terdiri daripada pihak CSC dan TF, Singapura.
7. Seramai tiga puluh (30) orang peserta-peserta program yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi beserta *key stakeholders* menyertai program tersebut.
8. Dalam pada yang sama, sesi sebelah petang telah diadakan sesi *Executive Symposium on Leadership and Public Service Transformation* yang disampaikan oleh Mr Yee Ping Yi, Timbalan Setiausaha (Perancangan), Kementerian Kewangan, Singapura. Objektif utama simposium tersebut adalah sebagai wadah bagi perkongsian ilmu dan pengalaman dari segi kepimpinan di MOFE khasnya dan sektor awam di Negara Brunei Darussalam amnya serta kepimpinan sektor awam di Singapura.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 13 Muharram 1444  
11 Ogos 2022